

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

Menyulam Ketenangan, Menyubur Keimanan

Tarikh Dibaca:

13 November 2026
3 Jamadilakhir 1448H

Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Menyulam Ketenangan, Menyubur Keimanan

13 November 2026/ 3 Jamadilakhir 1448H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَآئِلِ :

﴿ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطۡمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكۡرِ ٱللَّهِۗ أَلَا بِذِكۡرِ ٱللَّهِ تَطۡمَئِنُّ ٱلۡقُلُوبُ ٢٨ ﴾ الرعد [28]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سيدنا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Hindarilah segala perkara yang boleh menghilangkan pahala khutbah. Mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk **"Menyulam Ketenangan, Menyubur Keimanan".**

Muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap manusia mendambakan ketenangan. Ada yang mencarinya melalui kemewahan, ada yang melalui hiburan, dan ada pula yang mengejar keseronokan tanpa henti. Namun, tidak semua yang menggembirakan mampu menenangkan.

Kita mungkin memiliki banyak perkara yang diinginkan, tetapi masih berasa kosong. Kita mungkin dikelilingi pelbagai hiburan, namun hati tetap keresahan. Sesungguhnya, keseronokan boleh menggembirakan perasaan, tetapi tidak semestinya mententeramkan jiwa. Firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd, ayat 28 yang dibacakan oleh khatib sebentar tadi yang bermaksud:

"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan 'zikrullah' itu, tenang tenteramlah hati manusia".

Ayat ini mengajar kita bahawa ketenangan yang sebenar bertunjangkan hubungan hati dengan Allah SWT. Zikrullah bukan sekadar lafaz di bibir, tetapi ingatan yang menghidupkan iman, membina kesabaran dan menguatkan pergantungan kepada-Nya.

Hati yang sentiasa berpaut kepada Allah akan memiliki kekuatan untuk menghadapi kehidupan dengan sabar, reda dan tidak mudah berputus asa. Kerana ketenangan bukan bererti hidup tanpa ujian, tetapi memiliki hati yang tidak kehilangan Tuhan ketika ujian bertandang.

Sidang jemaah yang dikasihi Allah,

Kehidupan dunia bukan sahaja menguji manusia dengan kesusahan, bahkan juga dengan kesenangan. Ketika susah, manusia mudah mengharapkan

pertolongan Allah. Namun ketika senang, manusia boleh terleka sehingga lupa kepada-Nya.

Islam tidak melarang kita bergembira dan menikmati kehidupan. Namun, keseronokan hendaklah dipandu oleh iman dan syariat. Jangan sampai budaya hedonisme menjadikan kita terlalu ghairah mengejar hiburan sehingga mengabaikan solat, akhlak dan tanggungjawab kepada Allah.

Lebih penting, peliharalah kesucian akidah. Jangan terlalu taksub dan mengagungkan sesuatu sehingga hilang pertimbangan tentang batas-batas agama. Setiap bentuk pemujaan dan pengabdian yang bercanggah dengan tauhid wajib dijauhi. Ingatlah, tidak semua yang popular wajar diikuti. Tidak semua yang menghiburkan membawa kebaikan.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama menolak segala bentuk hiburan melampau yang melanggar syariat Islam serta menjauhi ajaran sesat yang jelas bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Janganlah sesekali berbangga, meraikan atau mempromosikan kemungkaran yang dilarang oleh Allah SWT. Ingatlah, perkara yang haram tetap haram walaupun dinormalisasikan dan mendapat sambutan ramai. Peliharalah kesucian akidah, kemuliaan akhlak dan maruah umat Islam agar kita tidak mengundang kemurkaan Allah SWT.

Maka, jadilah mukmin yang bijaksana. Nilailah sesuatu dengan ilmu dan iman, bukan semata-mata kerana terpengaruh dengan kebiasaan atau kemeriahan. Nikmatilah dunia, tetapi jangan sampai dunia menguasai jiwa. Bergembiralah dalam kehidupan, tetapi jangan sekali-kali menggadaikan keimanan.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam menghadapi pelbagai cabaran dan fitnah akhir zaman, tanggungjawab menjaga iman bukan hanya terhadap diri sendiri, bahkan turut melibatkan ahli keluarga. Firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim, ayat 6 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka."

Hari ini, anak-anak membesar dalam dunia yang penuh dengan pelbagai pengaruh. Apa yang mereka lihat, dengar dan ikuti boleh membentuk pemikiran serta pegangan hidup mereka. Justeru, jangan hanya sibuk menyediakan keselesaan hidup untuk keluarga sehingga terlepas pandang pendidikan iman mereka.

Bimbinglah anak-anak mengenal Allah, mencintai Rasulullah SAW, memelihara solat dan membiasakan zikrullah. Didiklah mereka mengenal batas halal dan haram dengan penuh hikmah dan kasih sayang. Ingatlah, pendidikan akidah tidak memadai dengan nasihat semata-mata. Anak-anak perlu melihat contoh keimanan melalui kehidupan ibu bapa sendiri. Kita tidak mampu mengawal setiap pengaruh yang datang kepada anak-anak, tetapi kita mampu membekalkan mereka dengan iman agar tidak mudah hanyut bersama arus zaman.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati tiga pesanan:

Pertama: Carilah ketenangan dengan memperbanyak zikrullah. Jadikan Allah tempat bergantung dalam kesenangan mahupun kesusahan.

Kedua: Peliharalah akidah daripada kelalaian. Nikmati keseronokan hidup dengan panduan iman, tanpa mengabaikan batas-batas agama.

Ketiga: Jagalah diri dan keluarga. Binalah rumah tangga yang subur dengan solat, al-Quran, zikir dan pendidikan akidah.

Akhirnya, ingatlah, Kita boleh mencari kebahagiaan di dunia, tetapi jangan sampai kehilangan arah menuju akhirat. Kita boleh menikmati kesenangan, tetapi pastikan iman tetap menjadi pegangan. Semoga Allah SWT mengurniakan kepada kita ketenangan jiwa, keteguhan akidah dan keluarga yang sentiasa berada dalam rahmat-Nya.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ﴿٥٦﴾

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا يڠ د-ڤرتوان اكوڠ سُلْطَان إِبْرَاهِيم.

وَكَذٰلِكَ كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا راج ڤرمايسوري اكوڠ، راج زَارِيثْ صُوفِيَاهْ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِناً مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فِلَسْطِين، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ،* إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.